

# **SOALAN LAZIM CEK REKAAN BAHARU - DITIADAKAN “ATAU PEMBAWA”**

**S: Apakah perubahan yang diperkenalkan kepada perkhidmatan cek yang ditawarkan oleh BIBD?**

J: Rekaan terkini akan meniadakan pilihan "atau pembawa" dari ruangan "Bayar kepada". Oleh itu, cek hanya dibayar secara eksklusif kepada individu yang dinamakan pada cek tersebut.

**S: Mengapa reka bentuk cek ini diubah?**

J: Rekaan cek baharu bertujuan bagi menjaga pelanggan daripada risiko kehilangan atau kecurian cek.

**S: Apakah tarikh penting yang perlu saya ketahui?**

J: Berkuat kuasa **1 Disember 2024**, cek dengan "Rekaan Baharu" akan diperkenalkan dan semua permohonan cek bermula dari tarikh tersebut akan dikeluarkan dengan rekaan cek yang telah dikemas kini.

**S: Adakah perubahan ini melibatkan cek dari akaun peribadi dan syarikat?**

J: Ya. Perubahan ini akan melibatkan semua pemegang akaun semasa BIBD.

**S: Apa yang akan berlaku kepada cek saya jika saya menghantar cek dengan reka bentuk lama melalui Mesin Deposit Cek BIBD (CQM) selepas 1 Disember 2024?**

J: BIBD masih menerima cek dengan rekaan lama, dan cek tersebut akan diproses seperti biasa. Awda juga boleh menghantar cek berkenaan di kaunter cawangan ataupun mendeposit cek berkenaan melalui Mesin Deposit Cek (CQM).

Namun, untuk mengekalkan kawalan yang ketat, cek tersebut hanya akan diproses dan dibayar kepada individu yang ditetapkan yang dinamakan pada cek tersebut.

**S: Bagaimana saya boleh memohon buku cek rekaan baharu?**

J: Untuk memohon buku cek baharu, awda dikehendaki mengisi Borang Permohonan Buku Cek yang tersedia di semua cawangan BIBD. Penandatangan Yang Diberi Kuasa diperlukan untuk menandatangani borang tersebut.

Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Tarikh Permohonan
- Jumlah Buku Cek Yang Dipohon
- Nama Pelanggan/Syarikat
- Nombor Akaun Pelanggan/Syarikat (yuran untuk penerbitan buku cek akan didebitkan dari akaun ini)
- Nama Orang untuk Dihubungi
- Nombor Orang untuk Dihubungi
- Arahan Pengambilan

Untuk pengguna BizNet, permohonan bolehlah dibuat melalui BIBD BizNet Online/BIBD Mobile.

**S: Bilakah saya boleh memohon buku cek rekaan baharu?**

J: Permohonan buku cek dengan rekaan baharu boleh dibuat di mana-mana cawangan BIBD bermula pada 1 Disember 2024.

**S: Berapa lama masa yang diperlukan untuk saya menerima buku cek rekaan baharu saya?**

J: Sila beri tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja untuk penerbitan buku cek rekaan baharu awda.

**S: Adakah terdapat yuran untuk mendapatkan buku cek rekaan baharu?**

J: Ya. Yuran standard untuk penerbitan buku cek dengan 50 helai adalah seperti berikut:

Rekaan	Yuran
Standard	B\$ 25
Special	B\$ 50

**S: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?**

J: Untuk maklumat lanjut, awda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di talian 2238181 atau mengunjungi cawangan BIBD yang berdekatan.

# NEW DESIGN CHEQUE - “OR BEARER” REMOVED

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

### **Q: What changes are being introduced to the cheque services offered by BIBD?**

A: The updated design will remove the "or bearer" option from the "Pay to" field. As a result, cheques will be exclusively payable to the individual named on the cheque.

### **Q: What is the reason for the revision of the new design cheque?**

A: The new design cheque is intended to safeguard customers against the potential associated risks of misplacement or theft of cheques.

### **Q: What is the significant date that I should be aware of?**

A: Starting from **1 December 2024**, cheques with "New Design" will be introduced. All cheque applications from that date onwards will be issued with the updated cheque design.

### **Q: Will this new change apply to cheques issued from both personal and corporate accounts?**

A: Yes. These changes will apply to all BIBD current account holders.

### **Q: I was unaware of the new changes and submitted a cheque with the old design via a BIBD Cheque Deposit Machine (CQM) after 1 December 2024. What will happen to my cheque?**

A: BIBD will still accept cheques with the old design, and these will be processed accordingly. You may present the cheques over the branch counters or deposit the cheques via Cheque Deposit Machine (CQM).

However, in order to maintain stringent controls, the cheque will only be processed and paid to the designated individual whose name is specified on the cheque.

### **Q: How can I apply for a new design cheque book?**

A: For new design cheque book request, you are required to fill in the cheque book request form available at all BIBD branches. The Authorised Signatory(ies) are required to sign the form.

The required information provided are as follows:

- Date of Request
- Number of Cheque Books Requested
- Customer/Company Name
- Customer/Company Account Number (the fee incurred on the issuance of the cheque book(s) will be debited from this account)
- Contact Person
- Contact Person Number
- Instruction for Collection

For BizNet users, the application can be done vide BIBD BizNet Online/BizNet Mobile.

**Q: When can I apply for the new design cheque book?**

A: Applications for the new design cheque book can be made at any BIBD branches from 1 December 2024.

**Q: What is the expected timeframe to receive my new design cheque book(s)?**

A: Please allow a period of minimum seven (7) working days for the issuance of your new cheque book(s).

**Q: Is there a fee incurred for obtaining a new design cheque book?**

A: Yes. The standard fees for the issuance of new design cheque books of 50 leaves will be applicable as detailed below:

Design	Fee
Standard	B\$ 25
Special	B\$ 50

**Q: Who do I contact for further information?**

A: For further information, you may contact our Contact Centre at 2238181 or you may visit to the nearest BIBD branch.